

16/02/2003

Kerajaan tidak aniaya guru SAR: Dr Mahathir

Jamhariah Jaafar

ISU pemberhentian bantuan kepada Sekolah Agama Rakyat (SAR) kini dijadikan

resipi pembangkang untuk menghentam Kerajaan. Menyedari kekeliruan yang timbul, termasuk ahli Umno sendiri, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Presiden Umno, memberi taklimat khas kepada pemimpin semua peringkat Umno.

Ikuti sedutan soal jawab antara ahli Umno dengan Datuk Seri Dr Mahathir

pada majlis Taklimat Presiden Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di

ibu negara, Khamis lalu.

Pada masa yang sama ikuti wawancara wartawan Berita Minggu, JAMHARIAH JAAFAR bersama Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Datuk Dr Mahadzir Mohd Khir, mengenai definisi SAR dan mengapa kementerian membuat

keputusan yang mencetus kontroversi itu.

SOAL JAWAB AHLI UMNO DENGAN DR MAHATHIR:

MENGAPA kerajaan mengambil masa untuk membatalkan bantuan kepada SAR, lebih-lebih lagi ketika kita hendak menghadapi pilihan raya. Apakah tidak

dapat kita tunggu sehingga selepas pilihan raya. Ini kerana rakyat terutama yang fanatik kepada SAR sukar menerimanya dan akan mengambil kesempatan daripada isu ini. Kalau kita hentikan bantuan kepada SAR, bagaimana pula dengan Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) Cina dan Tamil yang terus berkembang maju. Kenapa kita tidak hentikan bantuan kepada SJK ini juga?

Saya terpaksa memikirkan sebelum kita ambil sesuatu tindakan kalau kita nak berhentikan bantuan kepada Sekolah Agama Rakyat, sudah tentu ia tak dapat

berjalan. Apa akan jadi pada anak-anak. Kita perlu ada satu alternatif kepada mereka dan sekarang ini kita sudah ada alternatif iaitu kita akan memberi peluang kepada mereka kembali ke sekolah kebangsaan di mana mereka

ada pelajaran agama. Kita juga memikirkan mengenai guru di sekolah ini.

Kita tak nak menganiaya mereka, sebab itu kita sanggup memberi tempat kepada mereka, asalkan mereka ajar agama dan sanggup dilatih untuk menjadi

guru agama. Dengan cara ini kita dapat meredakan keadaan apabila dengar cerita, orang ini jahat, macam-macam, Kita tak boleh gopoh, kita kena fikir panjang.

Waktu mana pun (kalau dipilih, ia sudah pasti akan) dekat dengan pilihan

raya. Saudara sendiri kata mereka ini fanatik. Fanatik tak guna, kalau lima tahun sebelum pilihan raya pun sama juga.

Yang kedua berkenaan henti bantuan kepada Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK). Ini sebahagian daripada perjanjian kita dan kita bekerjasama dengan

orang Cina dan India ini kerana mereka juga memberi sokongan kepada kita.

Apa akan jadi kalau kita nak layan fanatik Melayu, kita kehilangan sokongan daripada orang Cina dan India. (Sudahlah nanti) fanatik Melayu tak tolong kita, orang ini pula tak bantu kita, kalahlah kita.

Saya bercakap sebagai orang yang pernah kalah. Pada 1969, saya fanatik Melayu, tolong orang Melayu... cakap sampai orang Cina benci pada saya. Tapi orang Melayu tak sayang juga pada saya. Akhirnya saya kalah kerana orang Cina sokong Pas. Jadi perlu ingat dalam politik saya sudah ada banyak pengalaman, kita tidak akan tahu bagaimana untuk mengurus sesuatu jika kita tidak berpengalaman.

Dalam soal pemberhentian bantuan kepada SAR, ramai pemimpin bawahan termasuk MT kurang jelas mengenai mengapa ia dibuat, sedangkan mereka yang

sepatutnya memberi penerangan kepada akar umbi. Dan ia telah membawa kepada majlis taklimat ini. Apakah tindakan kita selepas ini?

Sebab itulah kita adakan perjumpaan hari ini supaya kita dapat menerangkan kurang fahaman ini. Walaupun saya yakin akan ada juga bila balik dari sini tak faham juga, cakap kerajaan nak tutup SAR. Saya kata kita tak tutup, kita hentikan bantuan. Jadi jangan lupa ha! Hasrat kerajaan ialah tidak memberi bantuan kepada SAR kerana ia bukan sekolah agama.

Saya mewakili guru SAR di Perak yang menerima bantuan Jakim, Saya kurang

jelas dengan laporan media dan televisyen setakat ini. Bagi kelas agama, fardu ain, kenapa dibekukan semua bantuan perkapita. Di SAR tempat saya mengajar ada 465 murid sesi pagi dan petang. Pagi ke SK dan petang ke sekolah saya. saya pernah menghadiri taklimat persatuan guru sekolah agama

apabila pembangkang menangguk di air keruh... banyak perkataan dikeluarkan

mengenai kerajaan. Tapi mengapa sekolah kami di bawah Jakim turut dihukum?

Kita menghentikan semua bantuan kepada semua SAR. Sementara itu kita akan menerap murid dan guru SAR ke SK. Ikut kelulusan dan kelayakan mereka, dengan itu tidak timbul masalah di mana mereka akan pergi... ada tempat disediakan.

Dalam pada itu, kita sedang mengkaji susunan pelajaran agama. Kita terpaksa mengambil tindakan kepada semua. Ada juga sekolah ditubuh oleh kerajaan negeri yang juga daripada sistem persekolahan kebangsaan. Ini perlu ditentukan apakah taraf mereka dan bagaimanakah mereka dapat berfungsi selepas kita susun semula sistem sekolah kebangsaan ini.

(Antaranya) Bagaimana sistem sekolah kebangsaan akan beri pelajaran yang cukup sukatanannya dalam bidang agama. Jadi tidak timbul ada SAR yang tidak

tahu ke mana mereka akan pergi. Kalau mereka diberikan bantuan oleh kerajaan, maka kerajaan bertanggungjawab. Jadi kalau dikatakan SAR tak mungkin ia jadi sekolah agama kerajaan, kerajaan cuma beri bantuan saja.

Kita ada tiga jenis sekolah - Sekolah Kebangsaan, satu lagi Sekolah Bantuan Kerajaan, satu lagi sekolah swasta. Sekolah swasta tidak ada kena

mengena dengan kita, melainkan mereka dikehendaki mendaftar dan mengikut sukatan pelajaran Malaysia. Sekolah bantuan kerajaan diberi bantuan kerajaan kerana mereka mengelolakan sesuatu yang dianggap bermanfaat.

Jadi

apabila kita dapati mereka tidak mematuhi kehendak kerajaan maka kita tidak boleh bagi bantuan kepada mereka. Sekolah Kebangsaan memanglah sekolah kerajaan dan diberi bantuan sepenuhnya. Jadi ketiga-ketiga kategori ini sudah ada peruntukan masing-masing.

Tapi ada yang kata bukan ini dan bukan itu. Dalam kategori mana dia masuk pun kita tak tahu. Kata sekolah rakyat, tapi katanya didirikan oleh

Jakim. Takkan Jakim boleh ada sekolah rakyat pula. Kalau Jakim, Jakim punyalah. Saya tak tahulah... kalau boleh bagi butir lanjut kita akan periksa.

Sebenarnya apa yang cuba dikatakan mengenai sekolah di Perak ini ialah sekolah tambahan turut dikenali sebagai SAR. Pagi mereka ke SK dan petang

ke sekolah tambahan agama. Sekolah ini mendapat bantuan RM99 bagi seorang

murid setahun. Bantuan daripada Kerajaan Pusat RM60, kerajaan Perak RM27 dan Baitulmal Perak RM12. Sekolah ini didirikan oleh orang kampung dan pemberhentian bantuan menjejaskan pelajaran murid di sebelah petang.

Pengerusi sekolah ini kebanyakannya ketua Umno cawangan. Justeru pemberhentian bantuan menjejaskan SAR yang ditubuh oleh orang Umno sendiri. Bolehkah jika kita bezakan antara SAR swasta dengan SAR orang kampung ini

dan kalau boleh bantuan RM60 Kerajaan Pusat (untuk sekolah SAR di bawah tadbiran orang Umno) diteruskan?

Saya tahu, sekolah ini didirikan oleh orang kampung. Soalnya sama ada guru-guru juga datangnya dari (kalangan) orang Umno. Kerana kita tahu juga

setelah diselidik di Perak, sekolah yang dikatakan sekolah yang dibiayai orang Umno pun tetapi ada juga yang mengajar bukan orang Umno, pelajaran yang diajar bukan berkenaan agama Islam.

Itu kita kena kaji semua, kita tidak boleh kecualikan itu, kecualikan ini, lama-lama tak ada apa. Soalnya apa perlunya sekolah tambahan ini. Kita boleh tambah pelajaran agama di SK, sebab itu sekarang kita sedang kaji kurikulum SK, untuk menentukan sukatan pelajaran agama menepati kehendak agama Islam bukan menepati kehendak kita, menepati kehendak agama

Islam dan semua pelajaran ini boleh didapati di SK.

Tapi kalau kita kecualikan, yang lain kata Umno yang buat ini, untuk Umno, sekolah Umno... sekolah bukan Umno tak boleh. Tak bolehlah macam tu.

Niat kita semata-mata berkenaan dengan agama. Walau Umno atau pun Pas asal

berpegang kepada ajaran Islam kita sanggup bagi (bantuan). Tapi kita sudah

bagi tapi kebanyakan sekolah ini tidak mengajar dengan baik dan tidak dapat menepati kehendak agama Islam berkenaan pelajaran Islam. Apa salahnya kalau kita ada sekolah yang memberi pelajaran yang sama dengan apa yang dikatakan ada di SAR di Perak ini. Kita tak payah bayar tambahan,

guru itu boleh diserapkan di SK dan kita akan bayar gaji mereka yang berpatutan. Lebih baik daripada memberi RM60 setahun.

Kita nak perbaiki pelajaran agama Islam, kita bukan nak perbaiki SAR. Kita nak perbaiki ajaran Islam supaya menepati kehendak ajaran Islam

bukan
kehendak Umno... yang kita utamakan ialah agama Islam. Takkan kita nak
ajar agama Islam Umno. Cukuplah berpecah orang Islam. Kita nak pecah
agama
Islam Umno pula? Tak payah... kerana agama Islam Umno memang ajaran
Islam
sebenar.

Jadi kita adakan sekolah di mana kita menyampaikan pelajaran agama
sebenar. Itu tujuan kita, berilah masa sedikit untuk kita susun perkara
ini, kerana ia tidak mudah, bukan boleh buat begitu saja. Nanti sekali
lagi rosak dan dalam pilihan raya akan datang mungkin kita tak boleh
jawab.

Sebab itu kita sedang adakan satu jawatankuasa khusus yang bertumpu
kepada penyusunan SK dan khusus berkenaan pelajaran agama yang
dipengerusikan oleh bekas Ketua Pengarah Pendidikan, Tan Sri Murad Mohd
Nor. Beliau sudah beri laporan awal kepada saya pagi ini, tapi saya tak
nak terang mengenai laporan ini. Cuma nak jelaskan, nak tegaskan bahawa
kita tidak tutup SAR, kita cuma berhentikan bantuan kepada SAR kerana
majoriti daripadanya, hampir semua daripadanya, tidak mengajar agama
Islam
tetapi mengajar ideologi politik membenci.

Saya ingin memberi saranan supaya guru yang tidak menyokong kerajaan,
kalau boleh, saya cadangkan, kalau nak serap guru SAR sekali pun elok
ditapis dulu. Kita tidak mahu mereka ini menjadi duri dalam daging dan
menikam dari belakang.

Memang pun kita sedar berkenaan dengan perkara ini, ada guru yang
sedang
mengajar di SK yang mengajar agama pun, bukan mengajar agama. Waktu saya
cerita berkenaan dengan lukisan yang mana dia ambil pinggan bulat letak
atas kertas putih, lukis keliling pinggan bulat itu, dia warna hijau,
dia
kata ini lukisan. Orang macam ini tidak amanah, berdosa sebenarnya.

Tetapi kita tidak boleh nak tentukan semua daripada mereka terdiri
daripada orang begitu, guru yang bukan mengajar agama pun ada buat kerja
macam itu. Jadi yang kita hendak kita dapat memantau mereka dengan lebih
dekat. Kita telah memberi kursus kepada guru agama yang sedang berada di
sekolah dan kita telah menjelaskan mengenai tanggungjawab dan amanah
yang
diberi kepada mereka. Kita perlu ubah pemikiran mereka dengan cara
ilmiah,
bukan dengan cara menggertak saja. Tak buat ini kita buang, kalau tak
sokong Umno tak boleh jadi guru.

Kita hendak cuma dia mengajar agama Islam yang sebenar. Kalau dia ajar
agama Islam Insya Allah dia akan sokong Umno kerana kita berpegang
kepada
ajaran Islam sebenar, bukan orang itu. Jadi guru nak diserap masuk ini
kita akan tapis dan kita akan tentukan mereka tidak main... orang Kedah
kata, main kayu tiga. Kita akan tentukan mereka mempunyai kelayakan,
mereka mendapat latihan dan diberi kursus berkenaan dengan tanggungjawab
seorang orang Islam yang diberi tugas menjadi guru untuk menjaga anak-
anak.

Insya-Allah ia tidak akan menjadi lebih buruk daripada yang terdapat
sekarang di SAR di mana hampir semua tidak mengajar agama Islam tetapi
mengajar politik parti PAS. Inilah sebabnya kita bercadang untuk tidak

menganiaya guru-guru ini, sebaliknya kita bercadang untuk menyerap menerima masuk mereka dalam sistem kerajaan, tetapi ada syaratnya dan ada